

PERUTUSAN

MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID. SIS.,PPT.
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Langat



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih. Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izinNya, dapat saya menyampaikan perutusan pada kali ini. Bersempena dengan ketibaan 1 Syawal 1440 Hijrah saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Di mana sahaja umat Islam berada, pasti akan merasai getaran takbir menyentuh jiwa mengagungkan kebesaran Illahi. Menjelang Syawal yang mulia di tahun ini, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada warga kerja Majlis Daerah Kuala Langat dan kepada seluruh umat Islam di Malaysia. Aidilfitri adalah hari kita menyambut kemenangan dan sebagai ganjaran kepada mereka yang sabar dan taat mengerjakan ibadah puasa di dalam bulan Ramadan dengan sempurna.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada warga kerja MDKL supaya kita bekerja sebagai satu pasukan. Bagi memenuhi aspirasi masyarakat Kuala Langat yang menginginkan perkhidmatan yang terbaik daripada Pihak Berkuasa Tempatan, kita harus memberikan perkhidmatan yang melangkaui kebiasaan selaras dengan kehendak dan permintaan masyarakat. Selain daripada itu, kita semua termasuk masyarakat perlu mengarusperdanakan penjagaan alam sekitar. Ianya bermaksud kepentingan alam sekitar diserap, diterap, dan diintegrasikan dalam semua peringkat pengurusan dan pembangunan. Ini termasuklah pengurusan sampah seperti sisa domestik dan sisa pukal. Beban ini tidak harus dipikul sendirian oleh PBT kerana ini adalah masalah sejagat. Sehubungan dengan itu, besarlah harapan saya agar semua warga MDKL dan penduduk Kuala Langat dapat menghayati, mendokong serta menggerakkan pendekatan ini secara holistik dalam menangani isu alam sekitar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sempena dengan cuti Hari Raya Aidilfitri tidak berapa lama lagi, saya ingin berpesan kepada semua yang merayakannya supaya dapat memastikan keselamatan rumah dalam keadaan baik dan terjaga. Tutup saluran paip gas dan sebagainya sebaik mungkin, tingkap dan pintu rumah dikunci dengan rapat. Sudah semestinya pelbagai juadah dan hidangan akan disajikan oleh sanak saudara kita. Hendaklah kita sentiasa mengutamakan aspek kesihatan dengan makan dan minum dalam keadaan yang teratur. Pemakanan yang tidak seimbang boleh memudaratkan diri kita sendiri.

Dalam kita merayakan hari yang berbahagia ini, marilah sama-sama kita sentiasa berhati-hati di jalan raya ketika pulang ke kampung. Pastikan kenderaan dalam keadaan yang terbaik dan memandu dengan berhati-hati. Berhenti di perhentian sekiranya kita berasa letih. Jangan memandu dalam keadaan yang mengantuk. Memandu dalam keadaan yang tidak cukup rehat boleh menyebabkan seluruh ahli keluarga kita berada dalam keadaan yang sangat tidak selamat.

Di kesempatan ini sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua serta kepada seluruh warga kerja Majlis Daerah Kuala Langat dan warga daerah Kuala Langat.

Akhir kata, Selamat Hari Raya Aidilfitri 1440 Hijrah. Maaf zahir dan batin.

Sekian, terima kasih.

“KUALA LANGAT INDAH DAN HARMONI”